

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



PUBLIC ISLAMIC BANK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Akaun Semasa-i Komoditi *Murabahah* (CM CA-i) anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya berguna untuk mereka; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh: _____

1. Apa itu Akaun Semasa-i Komoditi *Murabahah* (CM CA-i)?

CM CA-i ialah akaun semasa yang berasaskan kontrak Syariah Komoditi *Murabahah* melalui pengaturan *Tawarruq*. Akaun semasa merujuk produk deposit dengan kemudahan cek.

Komoditi yang terlibat dalam urus niaga Komoditi *Murabahah* boleh dihantar secara fizikal dan semua kos berkaitan dengan penghantaran Komoditi secara fizikal hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

Produk deposit yang berikut dikategorikan di bawah CM CA-i:

- Akaun Semasa-i Basic
- Akaun Semasa-i
- Akaun Semasa-i Plus
- Akaun Semasa-i Plus Enterprise

Konsep Syariah utama yang diguna pakai ialah:

- **Tawarruq (Komoditi *Murabahah*)** – Suatu urus niaga yang mana Bank membeli komoditi daripada pelanggan atas dasar bayaran tertangguh pada harga kos tambah margin keuntungan. Bank kemudiannya menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga atas dasar bayaran semerta pada harga kos bagi tujuan mendapatkan tunai segera.

Maklumat penting yang anda perlu ketahui:



Produk ini **dilindungi** oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.

Ciri-ciri setiap produk CM CA-i adalah seperti yang berikut:

Produk Deposit	Akaun Semasa-i Basic	Akaun Semasa-i	Akaun Semasa-i Plus	Akaun Semasa-i Plus Enterprise
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none">• Individu berumur 18 tahun dan ke atas<ul style="list-style-type: none">◦ Warganegara Malaysia dan pemastautin◦ Akaun perseorangan atau bersama◦ Perusahaan Kecil dan Sederhana	<ul style="list-style-type: none">• Individu berumur 18 tahun dan ke atas<ul style="list-style-type: none">◦ Akaun perseorangan atau bersama◦ Akaun luar• Syarikat, firma, kelab, pertubuhan, persatuan, sekolah, kerajaan dan badan berkanun	<ul style="list-style-type: none">• Individu berumur 18 tahun dan ke atas<ul style="list-style-type: none">◦ Akaun perseorangan atau bersama◦ Akaun luar	Bukan individu sahaja (iaitu empunya tunggal, perkongsian, korporat, entiti, persatuan, kelab, pertubuhan dll.)
Deposit Permulaan	RM500.00	<ul style="list-style-type: none">• Individu: RM3,000.00• Bukan Individu: RM5,000.00	RM3,000.00	RM5,000.00
Pencadang	Diperlukan			
Buku Cek	Ada			
Kemudahan Tunai-i	Tidak Dibenarkan	Dibenarkan	Tidak Dibenarkan	
E-Perbankan	Dibenarkan			

2. Ketahui Kos Anda

Anda perlu membayar **fi** dan **caj** yang berikut:

- **Fi Tahunan: RM10.00** akan dikenakan atas Akaun Semasa tidak aktif yang tidak mempunyai apa-apa urus niaga deposit atau pengeluaran bagi tempoh berterusan selama sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan.
- **Caj Perkhidmatan: RM30.00** setiap buku cek (bagi semua jenis akaun) akan dikenakan kepada pelanggan untuk buku cek yang tidak diambil (jika ia tidak diambil tiga puluh (30) hari dari tarikh pengeluarannya).
- **Pengeluaran Tunai: RM1.00** setiap urus niaga (di ATM melalui MEPs)
- **Penutupan Akaun:**
 - i. **Dalam tempoh 6 bulan selepas pembukaan: RM20.00**
 - ii. **Dalam tempoh 3 bulan selepas pembukaan: RM20.00** (untuk Akaun Semasa-i Basic)

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami melalui www.publicislamicbank.com.my.

3. Ketahui Risiko Anda

Apakah risiko yang terlibat?

- Jika akaun ditutup dalam tempoh tertentu dari tarikh pembukaan, fi penutupan akan dikenakan.
- Akaun akan diklasifikasi sebagai wang tidak dituntut tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dimulakan oleh pelanggan, dan oleh itu, dana dalam akaun tersebut dikehendaki dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

4. Syarat Utama Lain

- Anda harus memastikan bahawa apa-apa cek yang dikeluarkan dan dikemukakan kepada Bank untuk pungutan mestilah mematuhi peraturan Sistem Pemangkas dan Penukaran Cek (CTCS) BNM.
- Bank boleh menolak untuk membayar cek yang tandatangan padanya berbeza daripada contoh yang diberi kepada Bank.
- Firma/syarikat/pertubuhan/kelab/persatuan anda harus meletakkan cetakan cap getah pada borang pembukaan akaun yang ditetapkan oleh Bank berserta tandatangan contoh orang yang dibenarkan untuk mengendalikan CM CA-i.
- Jika anda memohon untuk perbankan dalam talian dan mudah alih Public Bank, anda mesti berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, dan bersetuju bahawa penggunaan dan akses kepada perkhidmatan tersebut tertakluk pada Terma Dan Syarat yang Mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank.
- Anda harus menyenggara akaun anda dalam Ringgit Malaysia dan mengeluarkan semua cek dalam Ringgit Malaysia.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau memerlukan bantuan mengenai CM CA-i anda, anda boleh:



Hubungi kami melalui
03-2176-6000



Layari laman web kami melalui:
<https://www.publicislamicbank.com.my/>



E-mel kami melalui:
islamicbkg@publicislamicbank.com.my

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui bahawa Public Islamic Bank telah memberikan sesalinan PDS kepada saya.
 Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

*Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat produk pada masa akan datang.

Nama:
Tarikh: